



PELAN STRATEGIK 2021 - 2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

Hak Cipta Terpelihara
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Pengurusan Korporat dan Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis terlebih dahulu.

Diterbitkan Oleh:

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Unit Pengurusan Korporat dan Integriti,
Aras 2, Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis
Persiaran Wawasan
01000 Kangar,
Perlis.

Cetakan Pertama 2022

KANDUNGAN

BAB 1

Pengenalan

Pejabat Setiausaha Kerajaan
(PSUK) Negeri Perlis

BAB 2

Analisis

Senario Persekitaran
PSUK Negeri Perlis

BAB 3

Halatuju

Strategik PSUK
Negeri Perlis

BAB 4

Formulasi Tindakan

Pelan Strategik Organisasi
PSUK Negeri Perlis

BAB 5

Strategi

Pelaksanaan
Ke Arah Kejayaan

Penutup

A portrait of a middle-aged man with glasses, wearing a black suit, a blue and yellow striped tie, and a black cap. He is standing with his hands clasped in front of him. A name tag on his left lapel reads "AZMAN". The background is a blurred indoor setting with warm lighting.

Perutusan

Setiausaha Kerajaan
Negeri Perlis

AZMAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Perlis

"Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju"

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadirat Allah SWT kerana dengan inayah dan rahmatNya, Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis 2021 – 2025 ini berjaya diterbitkan dengan penuh iltizam.

Setinggi penghargaan kepada Unit Pengurusan Korporat dan Integriti dan semua pihak yang terlibat dalam menyumbang tenaga dan kepakaran bagi menyediakan Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis 2021 - 2025 ini. Kegigihan menformulasi rancangan untuk menambah baik gerak kerja dalam pengurusan, perkhidmatan, sosioekonomi, dan sukan akan menjadi budaya kerja seluruh warga PSUK Negeri Perlis.

Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis bagi tempoh 2021 – 2025 menjadi satu modul serta garis panduan bagi anggota PSUK Negeri Perlis dan pihak berkepentingan lain untuk mengangkat martabat kualiti perkhidmatan serta penambahbaikan mutu kesejahteraan kehidupan warga Perlis. Usaha ini secara tidak langsung dapat merealisasikan hala tuju PSUK Negeri Perlis untuk menjadi agensi peneraju transformasi pentadbiran awam negeri yang unggul.

Pengurusan perubahan akan dilaksanakan bagi memastikan Pelan yang dibangunkan tersebar luas kepada semua warga kerja PSUK Negeri Perlis. Melalui pelaksanaan pengurusan perubahan, pelbagai peringkat Kerajaan, sektor swasta dan masyarakat mampu menerima secara positif terhadap Pelan yang telah dirancang bagi memastikan matlamat yang ditetapkan tercapai.

Sebagai langkah memastikan keberkesanan pelaksanaan Pelan ini, setiap bahagian/unit yang bertanggungjawab perlu merujuk dokumen Pelan ini dalam menyediakan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) bahagian/unit dengan penetapan sasaran, tempoh masa pelaksanaan dan kumpulan sasaran. Penetapan dalam SKT dapat memastikan aktiviti-aktiviti bahagian/unit dan individu menyumbang kepada pencapaian program-program yang telah dirancang dalam Pelan ini.

Pelan ini juga merupakan langkah strategik pemulihan dan kebangkitan pentadbiran Negeri Perlis susulan kemelut pandemik Covid-19 dengan membongkar potensi modenisasi perkhidmatan awam dan bisnes. Seluruh jentera perlu digerakkan untuk merealisasikan agenda penyegaran dan pemulihan perkhidmatan agar semua aktiviti ekonomi dan sosial dapat dijalankan semula seperti biasa dan kemelut ekonomi dapat dipulihkan.

Akhir kalam, saya mengharapkan seluruh warga PSUK Negeri Perlis terus kekal relevan dan meningkatkan mutu keunggulan dalam penyampaian perkhidmatan selaras dengan perkembangan terkini. Semoga dengan semangat dan kerjasama yang diberikan ini akan memberikan suntikan motivasi kepada seluruh warga PSUK Negeri Perlis untuk sama-sama menyumbang kepada kelestarian pembangunan fizikal dan rohani Negeri Perlis.

YB Tuan Azman bin Mohd Yusof

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis



Kangar Street Art 2.0



BAB 1

Pengenalan

Pejabat Setiausaha Kerajaan
(PSUK) Negeri Perlis

PENGENALAN



Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, pengurusan strategik organisasi merupakan satu kaedah yang penting bagi menjadikan perkhidmatan awam terus kekal relevan. Bagi memenuhi hasrat tersebut, agensi perlu membangunkan pelan strategik organisasi yang komprehensif.

Garis Panduan Bagi Meningkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam yang diedarkan melalui Surat Ketua Setiausaha Negara bertarikh 9 Mac 2007 menjelaskan bahawa "Agensi harus memastikan satu Pelan Strategik dan rangka pengurusan prestasi diwujudkan bagi memantau dan menilai pencapaian Agensi. Sehubungan dengan itu, Agensi perlu mendokumenkan Pelan Strategik mengikut jangka masa panjang, sederhana dan pendek dengan semakan dibuat pada setiap tahun."

Surat Arahan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Bilangan 1/2021 bertarikh 17 September 2021 mengenai Panduan Pembangunan Strategik Organisasi Sektor Awam, dan bahawa MAMPU akan memantau pembangunan Pelan Strategik Organisasi.

Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (PSUK Negeri Perlis) ini merupakan garis panduan bagi memastikan segala perancangan dapat direalisasikan sejajar dengan dasar-dasar Kerajaan Negeri Perlis, di samping memastikan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang sentiasa dicapai dalam usaha menjadikan Pentadbiran PSUK Negeri Perlis sebagai sebuah organisasi yang terunggul.

Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis 2021-2025 merupakan pegangan seluruh warga pentadbiran PSUK Negeri Perlis bagi tempoh lima tahun akan datang dalam menentukan hala tuju serta gerak kerja organisasi.

Penerbitan Pelan Strategik ini akan memudahkan pemahaman dan penghayatan objektif serta strategi-strategi pengurusan dalam kalangan warga PSUK Negeri Perlis. Pemahaman ini seterusnya dapat memperkasakan komitmen masing-masing dalam memastikan pentadbiran awam negeri berada pada kelas tertinggi selaras dengan visi Rancangan Struktur Negeri Perlis 2030 (RSN Perlis) dan pelan-pelan negara yang lain.

Dalam pelan ini, lima (5) teras strategik dijadikan hala tuju dan tumpuan dalam usaha PSUK Negeri Perlis untuk memastikan pencapaian indikator yang telah ditetapkan. Teras strategik ini merupakan elemen yang diketengahkan dalam usaha memperkukuh kedudukan PSUK Negeri Perlis sebagai peneraju dalam perkhidmatan awam negeri.

Setiap teras strategik ini akan dilaksanakan melalui beberapa pelan tindakan yang akan diperincikan bagi memudahkan bahagian/unit merancang dan memantau pelaksanaannya.

MODEL PENGURUSAN STRATEGIK ORGANISASI PSUK NEGERI PERLIS

Dalam membangun model Pengurusan Strategik Organisasi Sektor, PSUK Negeri Perlis mengaplikasi model Pengurusan Strategik Organisasi MAMPU yang berteraskan *Deming Cycle* yang merangkumi proses *Plan, Do, Check and Act (PDCA)*.

PROSES

1

PERANCANGAN DAN FORMULASI

- Penetapan Hala tuju Strategik PSUK Negeri Perlis.
- Penentuan Isu-isu Strategik
- Penentuan Tindakan Strategik
- Penyediaan Dokumen Pelan Strategik

PELAKSANAAN

- Program Kesedaran
- Pelan Operasi
- Peruntukan Sumber
- Penyediaan Ekosistem Yang Menyokong
- Pengurusan Perubahan

PROSES

2

PROSES

3

PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PRESTASI

- Melaksana Pemantauan
- Mekanisme Pengukuran
- Laporan Pemantauan dan Pencapaian
- Kajian Semula Program
- Kajian Impak Program

PENILAIAN DAN SEMAKAN SEMULA

- Menilai Pencapaian
- Menilai Keberkesanan
- Penambahbaikan Berterusan
- Kajian Semula Pelan Strategik

PROSES

4

PERANCANGAN DAN FORMULASI PELAN STRATEGIK

Proses pertama dalam Model Pengurusan Strategik Organisasi adalah Perancangan dan Formulasi Pelan Strategik. Dalam merangka perancangan dan formulasi, PSUK Negeri Perlis telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

PENETAPAN HALA TUJU STRATEGIK

- **Langkah 1**
Mengetahui Pasti Pihak Berkepentingan, Pelanggan dan Rakan Strategik
- **Langkah 2**
Menetapkan Visi iaitu pernyataan aspirasi yang menjelaskan hala tuju masa hadapan yang hendak dicapai oleh organisasi dalam jangka masa panjang.
- **Langkah 3**
Menetapkan Misi yang menjelaskan satu pernyataan rasmi berkaitan dengan matlamat organisasi yang merangkumi tujuan kewujudan organisasi, skop operasi dan mekanisme pelaksanaan.
- **Langkah 4**
Mengetahui pasti nilai-nilai bersama ialah nilai yang perlu dihayati dan diamalkan oleh seluruh warga bagi menjayakan visi dan hasrat organisasi seperti yang ditetapkan

PENENTUAN ISU STRATEGIK

- **Langkah 1**
Penjajaran strategik yang bertujuan memastikan agensi sentiasa fokus dan menawarkan perkhidmatan yang tepat, selaras dengan kehendak dan aspirasi pihak berkepentingan
- **Langkah 2**
Menganalisis persekitaran bagi memahami landskap semasa organisasi dari segi jangkaan perubahan persekitaran, cabaran dan tuntutan masa hadapan.
- **Langkah 3**
Mengetahui pasti teras strategik iaitu bidang tumpuan/fokus spesifik perkhidmatan organisasi sepanjang tempoh pelan strategik.

PENENTUAN TINDAKAN STRATEGIK


- Merangka dan membangunkan pelan tindakan berdasarkan teras strategik yang telah dikenal pasti.
- Merangka senarai tindakan yang menyatakan strategi, program, indikator, sasaran, tempoh serta bahagian/unit bertanggungjawab yang terlibat bagi mencapai sasaran yang ditetapkan selari dengan keperluan visi dan misi organisasi.

LATAR BELAKANG ORGANISASI PSUK NEGERI PERLIS

Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis merupakan pusat kekuasaan bagi negeri. Terdapat beberapa perkara di mana Kerajaan Negeri perlu selaras dengan Kerajaan Persekutuan, seperti perkara berkaitan tanah, agama dan hal-hal lain.

Kuasa-kuasa Kerajaan Negeri ada disebutkan di bawah Senarai II – Senarai Negeri dan Senarai III – Senarai Bersama, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang antara lain meliputi hukum syarak, hal ehwal Islam, adat istiadat Melayu serta hal ehwal tanah, pertanian, perhutanan, kerajaan tempatan, perlesenan, air, kebajikan, sukan, biasiswa, perancang bandar dan lain-lain.


STRUKTUR PENTADBIRAN KERAJAN NEGERI PERLIS



Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis berperanan sebagai penyelarar kepada agensi-agensi Negeri dan Persekutuan bagi memastikan kelancaran pentadbiran seluruh jentera Kerajaan Negeri dengan matlamat memacu perkhidmatan yang berorientasikan modal insan yang profesional, berintegriti dan berprestasi tinggi.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dibahagikan kepada dua sektor utama iaitu Sektor Pembangunan dan Sektor Pengurusan. Sektor Pembangunan melaksanakan tugas-tugas perancangan dan pelaksanaan pembangunan manakala Sektor Pengurusan melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan keurusetiaan.

STRUKTUR ORGANISASI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS



Bahagian/Jabatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis dikategorikan sebagai PSUK Negeri Perlis dan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

KATEGORI PSUK NEGERI PERLIS DAN JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI

PSUK NEGERI PERLIS	JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI
1. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri	1. Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis
2. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2. Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis
3. Bahagian Khidmat Pengurusan	3. Jabatan Mufti Negeri Perlis
4. Bahagian Kerajaan Tempatan	4. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis
5. Bahagian Perumahan	5. Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis
6. Bahagian Dewan Undangan Negeri & Majlis Mesyuarat Kerajaan	6. Jabatan Pertanian Negeri Perlis
7. Bahagian Pengurusan Majlis, Protokol & Istiadat	7. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis
8. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat	8. Jabatan Perhutanan Negeri Perlis
9. Bahagian Pentadbiran Daerah	9. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis
10. Majlis Sukan Negeri	10. Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis
11. Pejabat Menteri Besar	11. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
12. Unit Audit Dalam	12. Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis
13. Unit Pengurusan Korporat & Integriti	13. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis
	14. Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Perlis

Sepanjang penubuhan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, seramai 28 penyandang Setiausaha Kerajaan Negeri telah memberi khidmat. Senarai Setiausaha Negeri adalah jadual di bawah.

SENARAI PENYANDANG SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

BIL	NAMA DAN DARJAH KEBESARAN	TAHUN PERKHIDMATAN	FAKTA MENARIK
1	YB Tan Sri Dato' Seri Osman Bin Talib, M.C.S	01.02.1948 - 19.11.1949	- SUK Perak - Ketua Menteri Melaka Pertama (31 Ogos 1957 – 31 Mei 1959)
2	YB Tuan Ahmad Bin Haji Hussin, M.C.S	20.11.1949 - 30.11.1951	-
3	YB Tan Sri Dato' Abdul Jamil Bin Abdul Rais, M.C.S	01.12.1951 - 27.08.1953	- SUK Selangor (1957) - Menteri Besar Selangor (1958-1959) - Setiausaha Perbendaharaan Negara ; (Anak melayu pertama dilantik memegang jawatan tersebut) - Ketua Setiausaha Negara ke-2 selepas merdeka (1964-1967)

BIL	NAMA DAN DARJAH KEBESARAN	TAHUN PERKHIDMATAN	FAKTA MENARIK
4	YB Dato' Abdullah Bin Sahat, M.C.S	28.08.1953 - 21.09.1956	• Menteri Besar Perlis ke-3 (1956)
5	YM Raja Zainal Abidin Bin Raja Haji Tachik, M.C.S	22.09.1956 - 04.05.1958	• Ketua Setiausaha di Kementerian Kesihatan di bawah pentadbiran Perdana Menteri Malaysia ke-2, Tun Abdul Razak
6	YB Tuan Mohamed Shamsuddin Bin Mohd Ya'akob, M.C.S	05.05.1958 - 30.04.1959	-
7	YM Raja Mokhtar Bin Raja Ya'akob, M.C.S	01.05.1959 - 31.08.1960	-
8	YB Tuan Mohd Shariff Bin Haji Ibrahim, M.C.S	01.09.1960 - 25.04.1962	-
9	YB Tuan Wan Ahmad Bin Wan Omar, M.C.S	26.04.1962 - 15.03.1964	-
10	YB Tuan Abdul Rahman Bin Lebai Abas, M.C.S, S.M.P	16.03.1964 - 19.09.1967	-
11	YB Dato' Azizul Rahman Bin Abdul Aziz, D.P.M.P, M.C.S S.M.P, PPT	20.09.1967 - 31.08.1971	-
12	YB Tuan Mansor Bin Osman, S.M.P, P.J.K	01.09.1971 - 12.07.1979	-
13	YB Tuan Azmeer Bin Rashid, P.B.M	13.07.1979 - 31.05.1983	-
14	YB Tuan Mustapha Bin Mohd Zain, P.P.T, B.S.K	16.06.1983 - 15.01.1986	-
15	YB Dato' Haji Abdul Hamid Bin Haji Abu Bakar, D.I.M.P, P.S.K, K.M.N	16.01.1986 - 31.01.1988	-
16	YB Dato' Syed Danial Bin Syed Ahmad, D.P.M.P, K.M.N, P.C.M	01.02.1988 - 15.06.1990	• Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja (2012 - Sekarang)
17	YB Dato' Seri Nik Abidin Bin Nik Omar, S.P.M.P, D.S.P.N, D.J.N, K.M.N	16.06.1990 - 15.08.1994	• Ketua Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian Dalam Negeri (1984 - 1990) • Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (1994 - 1997)
18	YB Tan Sri Jamaluddin Bin Haji Ahmad Damanhuri, D.P.M.P, K.M.N	16.08.1994 - 15.10.1996	• SUK Penang (1996 - 2000) • Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Malaysia • Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (2001 - 2005) • Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (PSC) (2006 - 2011)

BIL	NAMA DAN DARJAH KEBESARAN	TAHUN PERKHIDMATAN	FAKTA MENARIK
19	YB Dato' Haji Abdul Latib Bin Haji Omar, D.P.M.P, S.S.A, K.M.N, A.M.N, P.M.C, P.J.K	16.10.1996 - 13.12.2001	-
20	YB Dato' Mohiyaddin Bin Che Jan, D.P.M.P, K.M.N, A.M.N	14.12.2001 - 28.03.2004	-
21	YB Dato' Haji Abu Hassan Bin Salleh, D.P.M.P, S.M.P, K.M.N, A.M.N	29.03.2004 - 05.05.2005	-
22	YB Dato' Haji Ismail Bin Osman, D.P.M.P, S.M.P, K.M.N, A.M.P, P.M.C	07.07.2005 - 24.03.2008	-
23	YB Tan Sri Mohamad Zabidi Bin Zainal, P.S.M, D.P.M.K, D.P.M.P	26.03.2008 - 31.05.2010	• Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) (2010 – 2013) • Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia (2013 – 2016)
24	YB Dato' Azizan Bin Hamid, D.S.D.K, D.S.P.N, K.M.N, D.S.M A.S.A, A.M.P	01.06.2010 - 01.09.2013	-
25	YB Tuan Romli Bin Dai, P.S.K, S.M.P, A.M.K	21.10.2013 – 03.01.2016	-
26	YB Dato' Ahmad Zamri Bin Khairuddin, D.S.P.J, P.J.K	04.01.2016 – 31.12.2017	-
27	YB Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan, D.P.M.P, P.M.P, K.M.N	01.01.2018 – 07.01.2019	• Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (2019 – 2021)
28	YB Tuan Azman Bin Mohd Yusof, K.M.N	18.02.2019 - Sekarang	-

FUNGSI DAN PERANAN PSUK NEGERI PERLIS

PSUK Negeri Perlis berperanan sebagai Urus Setia Kerajaan Negeri dalam melaksanakan semua dasar-dasar negeri yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Peranan PSUK Negeri Perlis adalah seperti berikut:

Perancangan Dan Pemantauan Dasar Program/Projek Pembangunan Sosio Ekonomi

Merancang, menyelaras dan melaksanakan pembangunan sosio ekonomi Negeri Perlis dengan mengoptimalkan potensi sumber secara komprehensif dan lestari.

Perancangan Dan Pelaksanaan Rancangan Perumahan Awam Dan Program Perumahan Rakyat Untuk Golongan Berpendapatan Rendah

Merancang dan melaksanakan kemudahan perumahan awam yang selamat, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi memastikan setiap rakyat Negeri Perlis dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna.

Penyelarasan Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan

Menyelaras, memantau dan menjadi penghubung antara Kerajaan Tempatan, Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bagi memastikan perjalanan aktiviti Kerajaan Tempatan menepati dasar-dasar berkaitan.

Menyelaras dan Melaksanakan Program Dan Projek Pembangunan Daerah Untuk Meningkatkan Kesejahteraan Dan Perpaduan Rakyat

Pembangunan daerah dan luar bandar memberikan impak secara langsung kepada peningkatan taraf hidup rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah yang kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar. Peningkatan kualiti hidup rakyat menyumbang kepada pembentukan masyarakat sejahtera dan bersatu padu ke arah mencapai pembangunan holistik dan seimbang.

Membangun, Menyelaras dan Melaksanakan Pembangunan Teknologi Digital Yang Berkesan

Cabaran dunia globalisasi memerlukan pendekatan yang dapat memberikan impak kepada kehidupan seharian. Penggunaan teknologi digital mampu merangsang pembangunan sesebuah negara melalui perkhidmatan atas talian yang mempunyai nilai tambah ke arah kehidupan yang lebih sejahtera.

Mengurus Tadbir Kerajaan Negeri Dalam Hal-Hal Pentadbiran, Kewangan dan Pembangunan Modal Insan

Menyediakan perkhidmatan kerajaan yang cekap dan berkesan bagi memenuhi kehendak pihak berkepentingan yang meliputi kepimpinan kerajaan dan rakyat keseluruhannya. Pemantapan jentera pentadbiran negeri direalisasikan melalui pengukuhan struktur organisasi dan perjawatan yang optimum.

PUNCA KUASA

Punca kuasa untuk membangun Pelan Strategik ini adalah merujuk kepada Akta dan Peraturan.

UNDANG-UNDANG	Perlembagaan Persekutuan
	Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis
AKTA	Akta Acara Kewangan 1957
	Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
	Kanun Tanah Negara 1965
	Lain-lain Akta Berkaitan
	Perbadanan Menteri Besar 1951
	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis 1973
ENAKMEN	Yayasan Islam 1988
	Perbadanan Setiausaha Kerajaan
	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis
	Lain-lain Enakmen Berkaitan
	Arahan Perbendaharaan
	Surat Pekeliling Perbendaharaan
ARAHAN	Arahan Perkhidmatan
	Surat Pekeliling Perkhidmatan
	Lain-lain Arahan Berkaitan



*Kampung Warna Warni
Kuala Perlis*



BAB 2

Analisis

Senario Persekitaran
PSUK Negeri Perlis

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dibentangkan pada 27 September 2021 dengan matlamat 'Keluarga Malaysia – Makmur, Inklusif, Mampan', akan membolehkan seluruh rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang lebih baik. Semua strategi dan inisiatif juga, diijazahkan dengan Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan, yang dipersetujui oleh semua ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015.

Sembilan fokus utama RMKe-12 seperti berikut:



RMK - 12 memberi komitmen bahawa perkhidmatan awam yang menjadi nadi pentadbiran negara terus dimantapkan bagi meningkatkan ketelusan dan kecekapan. Bagi tujuan ini, perkhidmatan awam akan ditransformasi melalui pendekatan keseluruhan kerajaan dengan mengambil kira bahawa kejayaan pelaksanaan inisiatif memerlukan keterlibatan semua peringkat kerajaan. Pelaksanaan penyampaian perkhidmatan yang berkesan amat penting bagi memastikan Keluarga Malaysia benar-benar merasai pembangunan yang dilaksanakan.

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PERLIS 2030

Rancangan Struktur Negeri Perlis 2030 (RSN 2030) merupakan dokumen perancangan yang memandu dan mengawal pembangunan fizikal seluruh Negeri Perlis sehingga tahun 2030. RSN 2030 ini disediakan selaras dengan peruntukan Bahagian III, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) bertujuan melengkapkan sistem perancangan fizikal dan menterjemahkan dasar-dasar Rancangan Fizikal Negara (RFN) ke peringkat Negeri Perlis.

Wawasan Pembangunan Negeri Perlis 2030 adalah untuk melahirkan "Perlis Negeri Bandaraya 2030" yang merupakan wawasan untuk menjadikan Negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang mempunyai perancangan guna tanah, kecekapan perkhidmatan sosial, taraf sivik penduduk, kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti dan setaraf dengan status bandaraya dalam acuan sendiri.

Perlis Negeri Bandaraya merupakan aspirasi pembangunan dengan menerapkan ciri-ciri positif di dalam kehidupan bandar agar dapat dinikmati di Negeri Perlis.

Objektif Pembangunan Negeri Perlis 2030 adalah:



MYDIGITAL MALAYSIA DAN RANGKA TINDAKAN EKONOMI DIGITAL MALAYSIA

MyDigital dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia telah dilancarkan pada 19 Februari 2021. Inisiatif MyDigital ini berhasrat untuk memperkasakan setiap rakyat Malaysia, dari Perlis ke Sabah, untuk memperbaiki kehidupan mereka dalam setiap aspek. Antaranya, ia merangkumi idea dan pelan untuk meningkatkan literasi digital, mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi, menjadikan urusan perbankan dan kewangan lebih mudah dan teratur, memberikan akses pendidikan secara maya kepada generasi masa hadapan serta membawa kemudahan perubatan ke pekan terpencil.

MyDigital menetapkan gabungan inisiatif dan sasaran merentasi tiga fasa pelaksanaan hingga tahun 2030:

01

Menjelang tahun 2025, ekonomi digital dijangka menyumbang 22.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara

02

Menyasarkan untuk membuka 500, 000 peluang pekerjaan dalam ekonomi digital

03

Mengalakkan sebanyak 875, 000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana menerima guna e-dagang

04

Memangkinkan 5,000 syarikat peringkat permulaan atau startups dalam masa lima tahun akan datang

05

Menarik pelaburan baru dalam sektor digital sebanyak RM70 bilion dari dalam dan luar negeri

06

Menyasarkan tahap produktiviti sektor ekonomi meningkat 30 peratus lebih tinggi berbanding hari ini menjelang tahun 2030

07

Menyediakan kemudahan transaksi tanpa tunai sebagai pilihan utama menjelang tahun 2022

JALINAN DIGITAL MALAYSIA (JENDELA)

Matlamat Jalinan Digital Malaysia (JENDELA) adalah membangunkan sebuah pelan infrastruktur digital yang menyeluruh bagi memenuhi keperluan rakyat, industri dan ekonomi. Pelan tindakan yang dirangka menjadi landasan kepada penyediaan liputan perkhidmatan jalur lebar yang menyeluruh dan berkualiti tinggi, serta mempersiapkan negara untuk peralihan kepada teknologi 5G secara mantap.

Pelan tindakan ini menjadi platform penambahbaikan komunikasi digital negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (2021–2025). JENDELA akan dilaksanakan secara berfasa seperti berikut:

01

Memperluaskan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan berpenduduk

02

Meningkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps

03


Membolehkan sebanyak 7.5 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit



JENDELA akan menyediakan akses kepada pengguna untuk menilai liputan dan kualiti perkhidmatan dan juga membolehkan perancangan dan pembinaan infrastruktur digital dimudahcara oleh pelbagai Kementerian dan agensi terbabit, termasuk di peringkat negeri, supaya perkhidmatan jalur lebar yang menyeluruh dan berkualiti tinggi dapat diberikan kepada para pengguna dalam kadar yang lebih segera.

DASAR REVOLUSI PERINDUSTRIAN KE-4 (4IR) NEGARA

Dasar Revolusi Perindustrian ke-4 (4IR) Negara atau Dasar 4IR Negara telah dilancarkan pada 1 Julai 2021. Dasar 4IR Negara diperkenalkan dengan matlamat meningkatkan kesediaan negara dalam memanfaatkan potensi 4IR. Ia juga bertujuan mentransformasi Malaysia menjadi negara



berpendapatan tinggi yang berpacuan teknologi dan pendigitalan.

Dasar 4IR mengenal pasti lima (5) teknologi teras untuk membina keupayaan tempatan iaitu kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence – AI*), *Internet of Things (IoT)*, *blockchain* dan teknologi lejar teragih (DLT), bahan termaju dan disokong oleh pengkomputeran awan dan analisis data raya.

Dasar 4IR Negara mengandungi empat teras utama untuk masyarakat, perniagaan dan kerajaan. Teras tersebut adalah seperti berikut:



Keempat-empat teras dasar ini menjadi panduan kepada kementerian dan agensi dalam merangka program berkaitan 4IR. Teras ini dilaksana berpanduan 16 strategi, 32 inisiatif nasional dan 60 inisiatif sektoral yang telah dikenal pasti. Bagi mengurangkan potensi risiko berkaitan sosial yang wujud daripada 4IR, elemen kepercayaan, inklusiviti, keselamatan siber, etika dan nilai diterapkan dalam semua inisiatif.

PELAN DIGITAL PERLIS 2021 – 2025

Inisiatif Perlis Digital merupakan langkah untuk memajukan Perlis sebagai negeri sejahtera, maju dan pintar. Inisiatif ini merupakan langkah strategik untuk “Memantapkan Sistem Pengurusan Dan Pentadbiran Agensi Negeri Perlis Bagi Mencapai Wawasan Perlis Negeri Bandaraya 2030.”

Model Perlis Negeri Digital adalah satu pendekatan holistik bagi menjamin sistem penyampaian Kerajaan dan penggunaan digital dalam sektor sosial, pendidikan dan bisnes yang dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat dan memangkin pembangunan ekonomi.

Rangka kerja transformasi pendigitalan Perlis yang dibangunkan berasaskan kepada tiga (3) strategi berikut:



Sebanyak tujuh (7) Kluster Digital telah dikenalpasti iaitu Perkhidmatan Kerajaan, Keselamatan, Infrastruktur, Masyarakat, Ekonomi, Pelancongan dan Pertanian Digital.

Daripada 7 Kluster tersebut, 24 cadangan program perkhidmatan digital dibangunkan dan dijangka membantu memulihkan ekonomi negeri, meningkatkan tahap hidup dan budaya baharu masyarakat setempat.

PELAN INDUK PERANCANGAN FIZIKAL PELANCONGAN PERLIS

Pelan Induk Perancangan Fizikal Pelancongan Negeri Perlis ini merupakan pelan strategik yang dilaksanakan untuk merangka hala tuju pembangunan pelancongan di Negeri Perlis.

Pelan ini bertujuan untuk membangunkan sebuah industri pelancongan di Negeri Perlis yang maju dan lestari serta tidak mengorbankan biodiversiti melalui penjagaan, pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar serta keindahan alam semula jadi dan warisan budaya negara

Ini adalah seiring dengan hala tuju pembangunan bersempadan dengan kawasan Selatan Thailand di bahagian utara dan Negeri Kedah di bahagian selatan.

Negeri Perlis kaya dengan khazanah semulajadi seperti gua batu kapur dan hutan dipterokarpa. Selain itu, negeri ini juga kaya dengan pelbagai produk-produk pelancongan. Pembangunan industri pelancongan adalah penting bagi menarik kedatangan yang terdiri daripada pelancongan sejarah, warisan, seni dan budaya.

Pelancongan berfungsi sebagai agen perubahan terhadap lanskap ekonomi, alam sekitar dan sosial sesebuah kawasan. Ia berupaya mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan baru, menjana peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada penduduk tempatan serta menggunakan dan memanfaatkan sumberjaya sedia ada sebagai tarikan pelancong.



LANGKAH KEMBALI NORMAL (*NORMALCY*) DALAM PERSEKITARAN ENDEMIK COVID-19



Fenomena pandemik Covid-19 dan peralihan ke fasa endemik Covid-19 memerlukan langkah kebangkitan mengaplikasikan normalisasi atau *normalcy* ekonomi, sosial, pendidikan dan kesihatan.

Langkah kebangkitan termasuklah kebolehan berdaya saing, penciptaan perkhidmatan inovatif dan budaya bersih sihat menjadi tanda aras baru (*new benchmark*) tahap kompetitif ekonomi, sosial, dan pengurusan organisasi masa mendatang untuk terus kekal relevan.

Sehubungan dengan itu, PSUK Negeri Perlis mesti bersedia melaksanakan penyegaran dan pemulihan dengan membongkar potensi modenisasi perkhidmatan awam dan bisnes selain dari menyediakan bantuan kepada yang memerlukan atau yang terkesan. Semua ini memerlukan inovasi, pemikiran luar kelaziman dan pendekatan pengurusan yang luar biasa.

Cadangan penggubalan pelan baru seperti Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis 2021 – 2025, Pelan Perlis Bersih 2021 – 2025, Pelan Antirasuah Negeri Perlis, dan Pelan Strategik Digital PSUK Negeri Perlis 2021 – 2025 perlu disepadukan dengan Pelan Digital Perlis 2021 – 2025 yang telah pun dilancarkan sebagai pelan untuk melaksanakan agenda penyegaran dan pemulihan.

PIHAK BERKEPENTINGAN, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK ORGANISASI

PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKEHOLDER):

- Pihak yang mempunyai kepentingan terhadap keberhasilan program yang dikenal pasti
- Merupakan pihak yang membuat atau yang boleh mempengaruhi dasar terhadap sesuatu program

PELANGGAN:

- Pihak yang menerima faedah secara langsung atau tidak langsung dari hasil program/aktiviti yang dijalankan

RAKAN STRATEGIK:

- Organisasi/kumpulan atau pertubuhan/entiti yang menjalinkan kerjasama dengan PSUK Negeri Perlis secara langsung atau tidak langsung bagi mencapai matlamat bersama
- Organisasi/kumpulan atau pertubuhan/entiti berkenaan boleh merupakan pelanggan atau pemegang taruh ke atas PSUK Negeri Perlis atau berpotensi bekerjasama secara strategik untuk mencapai matlamat bersama.

PIHAK BERKEPENTINGAN, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK PSUK NEGERI PERLIS



ISU DAN CABARAN STRATEGIK BERDASARKAN ANALISA PERSEKITARAN

Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis dirangka berpandukan analisis persekitaran secara menyeluruh bagi memastikan setiap strategi yang dirancang dapat dieksploitasi sepenuhnya kekuatan dan peluang yang ada di samping menangani kelemahan dan ancaman yang dihadapi.

Persekitaran yang sentiasa berubah memberikan impak positif dan negatif kepada keberkesanan pelaksanaan Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis dalam mencapai visi dan misi yang disasarkan. Berdasarkan kepada analisis persekitaran yang telah dilaksanakan beberapa faktor kekuatan (*strengths*), kelemahan (*weaknesses*), peluang (*opportunities*) dan cabaran (*threats*) telah dikenal pasti seterusnya menjadi asas utama kepada pewujudan Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis.

Gambar rajah di bawah menunjukkan analisa kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang. Berdasarkan kepada peluang untuk penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan yang kreatif dan penggunaan teknologi digital diperhebatkan meningkatkan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan awam Kerajaan Negeri, PSUK Negeri Perlis perlu menangani cabaran-cabaran yang berkaitan dengan sistem penyampaian, pembangunan modal insan, tadbir urus, hubungan antara kerajaan dan pembangunan ekonomi dan sosial.

ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN UNTUK MEMBINA KECEMERLANGAN



Selaras dengan fungsi utama PSUK Negeri Perlis sebagai agensi utama dalam pentadbiran Kerajaan Negeri, enam (6) tumpuan kritikal telah dikenal pasti sebagai faktor dalaman dan luaran untuk diberikan perhatian, penekanan dan fokus yang lebih komprehensif dalam PSUK Negeri Perlis 2021 – 2025.

MELAHIR SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN YANG HOLISTIK DAN TIDAK-MERUMITKAN (*HASSLE-FREE*)

PSUK Negeri Perlis pasti berdepan dengan tekanan dan cabaran dalam usaha menyediakan perkhidmatan yang terbaik bagi memenuhi ekspektasi rakyat. Cabaran-cabaran besar yang dihadapi terutamanya dalam situasi kemelut Covid-19 yang perlu ditangani dengan lebih efisien dan efektif demi menggerakkan ekonomi negeri ke arah lebih cemerlang.

Kehendak pemegang taruh serta pelanggan memerlukan pendekatan yang lebih efektif dan dinamik kepada Kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang holistik dan tidak merumitkan (*hassle-free*).

Bahagian/unit di bawah PSUK Negeri Perlis perlu sentiasa memberi penekanan yang tegas dalam memastikan aspirasi dan hala tuju yang ditetapkan kepimpinan negeri, amnya, dan negara, khususnya, bergerak seiring, termasuklah menjadikan PSUK Negeri Perlis sebagai sebuah organisasi yang berpusat kepada pelanggan atau *customer-centric*.

Sehubungan itu, pelbagai usaha telah dirangka dan dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan awam selari dengan peredaran masa dan sejajar dengan ekspektasi pelanggan.

MENGEMBLENG DAN MEMBANGUN MODAL INSAN INTELEKTUAL

Penawaran perkhidmatan awam kini memerlukan modal insan intelektual yang berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki sikap positif untuk terus maju dalam ekonomi global.

Kepimpinan tertinggi negeri dan negara meletakkan sasaran agar anggota perkhidmatan awam perlu menjadi tenaga kerja yang berpengetahuan, mengutamakan produktiviti, kreatif dan inovatif serta mempunyai nilai-nilai moral dan integriti yang tinggi. Nilai-nilai tersebut menjadikan setiap penjawat awam kekal relevan dengan keperluan persekitaran yang kompetitif.

Pembangunan modal insan merupakan faktor kritikal bagi menjana dan mengekalkan perkhidmatan bertaraf kelas pertama. Ketersediaan anggota perkhidmatan awam berkemahiran tinggi dalam menyampaikan perkhidmatan adalah penting bagi menjana produktiviti dalam pelbagai bentuk terhadap pertumbuhan ekonomi Negeri Perlis terutama ekonomi digital.

PEMBUDAYAAN DIGITAL SEBAGAI PERKHIDMATAN PILIHAN

Era digital memerlukan seluruh warga mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam mengguna dan memanfaatkan teknologi digital. Setiap warga perlu mengamalkan gaya hidup dan budaya digital yang inklusif.

Sebagai pemangkin pembangunan teknologi digital dalam Negeri Perlis, PSUK Negeri Perlis berperanan untuk mendekatkan lagi jurang digital antara Kerajaan Negeri dengan masyarakat, antara bandar dan luar bandar serta antara agensi dengan agensi, baik awam mahupun swasta. Oleh yang demikian penambahbaikan kepada sistem penyampaian perkhidmatan melalui penggunaan teknologi digital perlu diperhebatkan agar menjadi keperluan vital dalam meningkatkan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan awam Kerajaan Negeri sekaligus memenuhi ekspektasi pelanggan dan pemegang taruh.

MEMPERKUKUH SISTEM PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL NEGERI

Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) bersama-sama dengan Bahagian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (BPKT) dan Bahagian Pentadbiran Daerah (BPD) di bawah Sektor Pembangunan merupakan nadi kepada perancangan dan pembangunan pelbagai projek dan program yang memacu sosio ekonomi dan sosial negeri.

Inisiatif memperkukuh infrastruktur dan prasarana menjadi agenda utama sistem perancangan dan pembangunan perbandaran selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Perlis 2030 yang melibatkan aspek-aspek seperti ekonomi, rangkaian pengangkutan, penggunaan tanah, landskap budaya serta fizikal secara keseluruhannya.

Sehubungan itu, bagi menjadikan Negeri Perlis sebagai hub utama pelaburan tinggi, fokus diberikan kepada sektor pertanian, pelancongan, perkhidmatan, perindustrian dan sebagainya yang akan memacu daya saing negeri.

MEMUPUK PEMUAFAKATAN HUBUNGAN ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DENGAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif mentransformasikan secara radikal jaringan dan hubungan strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu diperhebatkan. Jalinan strategik kerjasama bersama Kerajaan Persekutuan dapat memacu pembangunan ekonomi dan sosial Negeri Perlis.

Tumpuan jalinan strategik adalah untuk mentransformasikan kaedah penyampaian perkhidmatan awam dengan hasil yang berimpak tinggi, dengan kos yang rendah, pelaksanaan yang pantas, serta galakan dan sokongan bagi program-program inovasi dan kreativiti.

Keselarasan dan kerjasama antara jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri merupakan prasyarat utama dalam mengekalkan integrasi nasional serta memastikan sistem penyampaian perkhidmatan khususnya di Negeri Perlis dapat disampaikan dengan cekap, tepat dan berintegriti.

Koordinasi ini membentuk kesefahaman bersama ke arah mencapai objektif dan matlamat pembentukan perpaduan dan pembangunan negara.

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS TERBAIK (GOOD GOVERNANCE) DALAM SEKTOR AWAM NEGERI PERLIS

Sektor awam merupakan jentera pentadbiran, perkhidmatan dan penggerak ke arah pembangunan dan kemajuan negeri. Pemantapan tadbir urus terbaik atau *good governance* dalam sektor awam diberi keutamaan dalam pengamalan sistem dan prosedur kerja yang cekap bagi menutup ruang penyelewengan serta salah guna kuasa.

Objektif tadbir urus adalah bertujuan untuk menyemai dan meningkatkan keyakinan pelanggan dan pemegang taruh terhadap keupayaan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan dasar yang telah dimandatkan di samping mengekalkan akauntabiliti di dalam sistem penyampaian awam. Penyelarasan dilaksanakan terhadap setiap bahagian/unit bagi mempunyai struktur perhubungan dan mekanisme berkomunikasi dua hala untuk memastikan maklum balas berkualiti diperoleh daripada pemegang taruh dan pelanggan berkaitan dengan prestasi PSUK Negeri Perlis agar dapat mengurangkan rintangan dalam penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.

Melalui usaha-usaha ini, semua warga PSUK Negeri Perlis perlu memainkan peranan penting dalam mengamalkan prinsip tadbir urus terbaik supaya dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang ke arah mencapai matlamat misi nasional.



*Jambatan
Tuanku Syed Putra
Kuala Perlis*



BAB 3

Hala Tuju

Strategik PSUK
Negeri Perlis

ASPIRASI MENJUARAI TRANSFORMASI

Aspirasi utama pelan strategik organisasi adalah menjadikan PSUK Negeri Perlis peneraju transformasi Pentadbiran Awam Negeri, pelaksanaan dan pematuhan undang-undang serta peraturan sedia ada. Justeru PSUK Negeri Perlis perlu memainkan peranan penting sebagai pemantau serta penyelaras semua usaha dan kegiatan sosial, ekonomi dan pendidikan di peringkat Negeri Perlis.

PENYATAAN VISI, MISI, DAN MOTO

Visi dan Misi Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis merupakan dasar perancangan strategik organisasi serta sebagai *guiding principles* kepada pembentukan teras-teras strategik dan pembangunan pelan tindakan organisasi.

Intipati utama pelan tindakan yang digubal mengandungi strategi dan program untuk menjayakan visi dan misi PSUK Negeri Perlis. Visi dan misi merupakan identiti dan budaya kerja di peringkat PSUK Negeri Perlis dengan berpegang kepada nilai-nilai murni yang boleh dikongsi bersama-sama warganya


Misi, Visi dan Moto dirangka sebagai asas penting menentu hala tuju pembangunan Perlis menjelang tahun 2025 adalah seperti berikut:



MEMARTABATKAN NILAI BERSAMA

Nilai-nilai bersama ialah nilai yang perlu dihayati dan diamalkan oleh seluruh warga PSUK Negeri Perlis di dalam menjayakan visi dan hasrat organisasi seperti yang ditetapkan. Penghayatan nilai-nilai bersama oleh warga PSUK Negeri Perlis dalam melaksanakan program dan aktiviti organisasi dapat memupuk kesepaduan dan menyumbang kepada kejayaan visi dan hasrat yang direncanakan.

NILAI BERSAMA BERASASKAN AKRONIM P.E.R.L.I.S



Nilai-nilai bersama yang dipegang dan dimartabatkan dalam PSUK Negeri Perlis merangkumi:

MEMPERKASA INTELEKTUAL DAN PROFESIONALISMA

- Budaya kerja berteraskan intelektual dan profesional yang menggabungkan nilai, sikap dan kepercayaan yang dikongsi bersama menjadi asas warga kerja PSUK Negeri Perlis.
- Pembentukan identiti dan personaliti yang cemerlang agar menjadi cerminan kepada warga Perlis.

MEMUPUK BUDAYA KERJA EFISIEN

- Memiliki kompetensi dalam melaksanakan tanggungjawab iaitu berpengetahuan dan berkemahiran dalam melaksanakan tugas.
- Memastikan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan secara efisien iaitu dengan mempunyai sistem yang dinamik, cepat dan tepat tanpa pembaziran waktu, tenaga atau belanja melalui penggunaan sumber yang minimal (efisien) dengan penghasilan kerja (*output*) yang maksimum (efektif).

MENGUTAMAKAN RESPONSIF DAN KEPANTASAN BERTINDAK

- Sentiasa peka terhadap perubahan persekitaran dan pemegang taruh.
- Mengutamakan pelanggan dan bertindak balas terhadap aduan pelanggan dengan cepat, tepat dan berhemah.
- Mengadakan mesyuarat dan rundingan bersama pemegang taruh bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan.

MENDAHULUI KEPENTINGAN PELANGGAN DENGAN LAYANAN MESRA

- Mewujudkan budaya cakna (ambil berat) sesama warga kerja PSUK Negeri Perlis dan mengutamakan pelanggan.
- Meningkatkan perkhidmatan kaunter agar lebih berorientasikan pelanggan dan mesra pelanggan.
- Memastikan operasi perkhidmatan berfungsi untuk kepuasan pelanggan yang maksimum dalam pelbagai dimensi.

MENGUNGGULI INTEGRITI DAN INOVASI

- Sentiasa mengamalkan dan berpegang teguh kepada nilai-nilai integriti dan kejujuran bagi memelihara imej perkhidmatan awam yang utuh.
- Bercakap benar, menepati janji dan masa serta menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan berdisiplin.

- Berinovatif iaitu sentiasa mengaplikasikan sesuatu inisiatif atau kaedah baru di luar kelaziman yang boleh memberi impak signifikan kepada pelanggan.
- Berfikir di luar kotak, kritis, konstruktif, dan mengemukakan idea-idea yang bernas dalam menyelesaikan sesuatu isu dan masalah.

MENGUKUH SINERGI JARINGAN BERSEPADU

- Semangat kerja berpasukan yang menggabungkan setiap bahagian/unit mewujudkan kompetensi saling bergantung samada dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan.
- Setiap warga kerja memiliki akauntabiliti dan komitmen terhadap prestasi PSUK Negeri Perlis serta bersedia melaksanakan tugas yang mencabar dalam menyampaikan perkhidmatan.





BAB 4

Formulasi Pelan Tindakan

Pelan Strategik PSUK

Negeri Perlis

RANGKA KERJA TERAS STRATEGIK PSUK NEGERI PERLIS 2021 – 2025

Rangka Kerja Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis merupakan sebuah rangka kerja yang berperanan sebagai panduan dan rujukan khususnya kepada warga PSUK Perlis serta pihak berkepentingan lain untuk merancang dan melaksanakan program secara holistik dan seiring dengan perkembangan semasa.

Rangka Kerja Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis ini mengandungi lima (5) Teras Strategik iaitu:

TERAS STRATEGIK PELAN STRATEGIK ORGANISASI PSUK NEGERI PERLIS

TERAS	TERAS STRATEGIK	STRATEGI
Kesejahteraan Rakyat	Melestari Industri Pelancongan, Pertumbuhan Hasil Baru, Pembangunan Sumber Air, Dan Industri Kecil Dan Sederhana	•Menjadi Penghubung Kepada Program Peningkatan Ekonomi Bagi Kesejahteraan Hidup Rakyat •Melestari Dan Memacu Pertumbuhan Ekonomi Digital Sebagai Pemacu Pertumbuhan Baru Negeri Perlis
Pengurusan Projek dan Kewangan	Memperkuh Perancangan dan Pengurusan Projek Serta Pengurusan Kewangan Yang Sistemik dan Mampan	•Membudaya Pengurusan Kewangan Yang Cekap Dan Sistemik •Memastikan Perancangan Pembangunan dan Pemantauan Projek, Infrastruktur Fizikal Serta Kemudahan Awam Secara Efektif dan Telus.
Pembangunan Organisasi dan Modal Insan	Memperkasakan Pengurusan Organisasi Melalui Pembangunan Modal Insan Yang Berpengetahuan Dan Tahap Profesional Yang Tinggi Dengan Disokong Oleh Tadbir Urus Yang Baik Dan Berintegriti	•Memperkasa Tadbir Urus Dan Penyampaian Perkhidmatan Ke Arah Kecemerlangan Organisasi •Memperkasakan Pembangunan Modal Insan Yang Berpengetahuan Dan Profesional Yang Tinggi •Memupuk Nilai Integriti Dalam Organisasi.
Memperkasa Sistem Penyampaian	Memperkasa Sistem Penyampaian Kerajaan Yang Holistik Untuk Memberi Khidmat Yang Cemerlang	•Membangun Halatuju Strategik Kerajaan Digital Selaras Dengan Dasar Baru Pembangunan Perlis •Menyegarkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Secara Holistik, Mampan Dan Inklusif
Gaya Hidup Sihat Melalui Sukan	Pembudayaan Sukan Dan Pembangunan Sukan Di Kalangan Rakyat Perlis	•Membangunkan Sahsiah Serta Menggalakkan Cara Hidup Sihat Di Kalangan Rakyat Perlis Melalui Program-program Sukan •Penjana Ekonomi Melalui Program-program Sukan

PELAN TINDAKAN

Strategi dan pelan tindakan yang telah ditetapkan di dalam Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis ini telah dirangka untuk dicapai dalam **tempoh 5 tahun iaitu 2021 sehingga 2025**.

Rangka Kerja Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis ini mengandungi lima (5) Teras Strategik, 11 Strategi dan 34 Program.

JADUAL TERAS STRATEGIK, STRATEGI DAN PROGRAM PELAN STRATEGIK ORGANISASI PSUK NEGERI PERLIS

	TERAS	STRATEGI	PROGRAM
1	Kesejahteraan Rakyat	2	7
2	Pengurusan Projek dan Kewangan	2	4
3	Pembangunan Organisasi dan Modal Insan	3	9
4	Memperkasa Sistem Penyampaian	2	5
5	Gaya Hidup Sihat Melalui Sukan	2	9
		11	34

PERINCIAN TERAS STRATEGIK, STRATEGI DAN PROGRAM

TERAS STRATEGIK 1 : MELESTARI INDUSTRI PELANCONGAN, PERTUMBUHAN HASIL BARU, PEMBANGUNAN SUMBER AIR, DAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

Matlamat memperkasa kelestarian pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial secara komprehensif adalah untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Negeri Perlis.

Langkah untuk meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat terus diperkukuhkan dengan melaksanakan pelbagai program/projek dalam sektor keselamatan, sosial, pembangunan ekonomi serta prasarana fizikal.

Peranan PSUK Negeri Perlis penting dalam merancang, dan melaksana dasar-dasar berkaitan dengan pembangunan projek/program sosioekonomi dan penyediaan prasarana fizikal. Penekanan diberikan memandangkan kemudahan yang cekap dan sistematik adalah penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi sekaligus memperbaiki kualiti hidup masyarakat di Negeri Perlis.

Dua (2) strategi bagi Teras Strategik 1 adalah:

- Menjadi Penghubung Kepada Program Peningkatan Ekonomi Bagi Kesejahteraan Hidup Rakyat; dan
- Melestarikan Dan Memacu Pertumbuhan Ekonomi Digital Sebagai Pemacu Pertumbuhan Baru Negeri Perlis.

STRATEGI 1.1 : MENJADI PENGHUBUNG KEPADA PROGRAM PENINGKATAN EKONOMI BAGI KESEJAHTERAAN HIDUP RAKYAT

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNG JAWAB
1.1.1 Memperkasakan Pertumbuhan Ekonomi Sedia Ada	Pemeriksaan usahawan Industri Kecil dan Sederhana	Bilangan usahawan yang mendapat pensijilan halal dan sijil GMP	2 usahawan mendapat sijil GMP dan 3 usahawan mendapat pensijilan halal setiap tahun	2021-2025	BPEN
	Pemeriksaan Program Kolaborasi Usahawan Bersama IPTA / IPTS, Jabatan / Agensi Usahawan	Bilangan program	1 program setahun	2021-2025	BPEN
	Pemeriksaan kemahiran digital dan pemasaran Usahawan Industri Kecil dan Sederhana	Bilangan Pusat Digital Usahawan dan bilangan program latihan	1 Pusat Digital Usahawan 12 bilangan program latihan setiap tahun	2021-2025	BPEN
1.1.2 Mewujudkan dan Memantapkan Sumber Pertumbuhan Ekonomi Baru	Penggalakkan pelaburan tempatan/ asing selaras dengan Pelan Strategik Pembangunan Negeri Perlis 2030	Bilangan peningkatan pelabur yang baru	2 pelabur baru setiap tahun	2021-2025	BPEN
	Pewujudan insentif khusus untuk Pelaburan Perlis	Bilangan dokumen	1 dokumen yang dibentangkan dalam MMKN	2021-2025	BPEN, NCIA
	Eksplorasi sumber hasil baru / peningkatan hasil sedia ada	Tambahan hasil baru negeri	1 cadangan hasil baru	2021-2025	PKN

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNG JAWAB
1.1.3 Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi Negeri Melalui Sektor Pelancongan	Penganjuran program/acara pelancongan bertaraf nasional/ antarabangsa	Bilangan program/ acara	3 program / acara setiap tahun	2021-2025	BPEN, SSI
	Penaiktarafan produk pelancongan sedia ada	Bilangan produk dinaiktaraf	3 produk setiap tahun	2021-2025	BPEN, SSI
	Pewujudan pakej pelancongan	Bilangan pakej dibangunkan	3 pakej setiap tahun	2021-2025	BPEN, SSI
1.1.4 Memperkuh dan Menjana Pertumbuhan Ekonomi Bagi Meningkatkan Kualiti Hidup Rakyat serta Memacu Daya Saing Negeri	Memastikan Kutipan Hasil Tahun Semasa Meningkat Berdasarkan Kepada Sasaran Kutipan Tahunan	Kuantiti	2021-60% daripada sasaran 2022-2024 70% daripada sasaran 2025-75% daripada sasaran	2021-2025	BP
	Memastikan Satu Projek Perumahan Awam Kerajaan Dibina dan Didiami Bagi Memenuhi Keperluan Rumah Golongan Sasaran	Kuantiti	1 Projek Program Perumahan Rakyat (PPR)	2021-2025	BP
	Memastikan Perbelanjaan Pembangunan (DE) Diurus dan Dibelanjakan Mengikut Sasaran Tahunan	Kuantiti	95% Perbelanjaan DE Setiap Tahun	2021-2025	BP
	Pelaksanaan Rumah Mampu Milik dengan Kerjasama Swasta	Kuantiti	1 Projek Perumahan Mampu Milik Moden	2021-2025	BP
	Pemantapan Penguatkuasaan Kutipan Hasil Negeri	Peratus peningkatan jumlah hasil negeri (bagi hasil sedia ada)	5% peningkatan setiap tahun	2021-2025	PKN
1.1.5 Memperkasakan Pertumbuhan Ekonomi Sedia Ada					

STRATEGI 1.2 : MELESTARI DAN MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DIGITAL SEBAGAI PEMACU PERTUMBUHAN BARU NEGERI PERLIS

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNG JAWAB
1.2.1 Menjajar dan matching bisnes sedia ada dengan persekitaran eDagang	Menyediakan sesi atau platform menemukan usahawan dengan industri	Bilangan sesi atau platform	1 sesi setiap tahun	2022-2025	BPEN
	Mengadakan expo atau roadshow	Bilangan expo atau roadshow	1 expo setiap tahun	2022-2025	BPEN
	Kursus khas membangun potensi usahawan digital	Bilangan kursus	1 kursus setiap tahun	2021-2025	BPEN
1.2.2 Menjadikan Perlis strategik kepada pemain industri eDagang	Memastikan kelestarian dan insentif pengedaran usahawan e-dagang	Pembinaan Pusat Digital	1 Arena Digital Perlis	2021-2025	BPEN
	Pelaksanaan secara bersasar dengan penyedia perkhidmatan cashless sedia ada (JomPay, eWallet, Touch & Go etc)	Bilangan sistem pembayaran cashless menyeluruh	1 sistem pembayaran menyeluruh	2021-2022	PKN / BPEN

TERAS STRATEGIK 2 : MEMPERKUKUH PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PROJEK SERTA PENGURUSAN KEWANGAN YANG SISTEMATIK DAN MAMPAN

Pembangunan projek yang berkesan dan sistematik perlu bagi membolehkan perancangan dan pelaksanaan projek yang lebih inklusif serta hala tuju yang lebih jelas bagi wawasan pembangunan Negeri Perlis maju dan sejahtera.

Pemantauan dan pengawalan program/projek yang sistematik membolehkan pelaksanaan projek dapat dilaksanakan dengan berkesan dengan pengurusan kewangan yang berhemah, baik dan bertanggungjawab.

PSUK Negeri Perlis akan memberikan tumpuan kepada penyelarasan, pengurusan projek dan pengurusan kewangan yang sistematik dan mampan bagi memastikan program/projek diurus dengan baik, cekap dan berintegriti.

Dua (2) strategi bagi Teras Strategik 2 adalah:

- Membudaya Pengurusan Kewangan Yang Cekap Dan Sistematik; dan
- Memastikan Perancangan Pembangunan dan Pemantauan Projek, Infrastruktur Fizikal Serta Kemudahan Awam Secara Efektif dan Telus.

STRATEGI 2.1 : MEMBUDAYA PENGURUSAN KEWANGAN YANG CEKAP DAN SISTEMATIK

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNG JAWAB
2.1.1 Membudaya Pengurusan Kewangan yang sistematik bagi penyampaian perkhidmatan yang lebih menyeluruh	Meningkatkan kecekapan pengurusan peruntukan kewangan	Peratus Perbelanjaan/ Peratus pematuhan perbelanjaan berpandukan Pekeliling Perbendaharaan Bil.2 Tahun 2016	Melebihi 90% peruntukan kemaskini dibelanjakan	2021-2025	BKP
	Menjalankan Pengauditan Indeks Akauntabiliti (AI)	Bilangan Jabatan (Audit) Yang Diaudit	Dua (2) Jabatan Setahun	2021-2025	UAD
	Menjalankan Pengauditan Penampilan	Bilangan Jabatan (Audit) Yang Diaudit	Lima (5) Jabatan Setahun	2021-2025	UAD
	Pemantapan Fungsi Jawatankuasa Audit Negeri Perlis (JKA)	Bilangan Mesyuarat Dilaksanakan	Empat (4) Kali Setahun	2021-2025	UAD
2.1.2 Mengukur prestasi program/aktiviti Jabatan bagi memastikan ianya value for money	Meluaskan skop pengauditan projek-projek di bawah peruntukan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)	Bilangan projek mengikut perancangan yang dibuat oleh BPEK	10% daripada jumlah projek tahunan.	2022-2025	UAD

STRATEGI 2.2 : MEMASTIKAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN PEMANTAUAN PROJEK, INFRASTRUKTUR FIZIKAL SERTA KEMUDAHAN AWAM SECARA EFEKTIF DAN TELUS

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNG JAWAB
2.2.1 Menyediakan dan mengemaskini SOP dan TOR dalam Pelaksanaan Projek Pembangunan dan Pengurusan	Menambahbaik SOP/TOR/Garis Panduan mengikut keperluan semasa dan arahan kerajaan yang terpakai	Bilangan garis panduan/ perjanjian sewaan/ syarat- syarat permohonan	Satu dokumen & Garis Panduan / Syarat-syarat / Peraturan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	2021-2025	BPD dan BP & BKT
	Penghantaran dokumen tuntutan bayaran interim projek pembangunan dilakukan secara digital (QR Code)	Semua projek bernilai RM500,000 ke atas	1 projek setiap tahun	2023-2025	Agensi pelaksana projek

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNG JAWAB
2.2.2 Mengukuhkan Penyampaian Perkhidmatan PBT dan Pembangunan Infrastruktur Di Kawasan Bandar dan Kawasan Luar Bandar	Menaiktaraf jalan perhubungan/ lintasan kampung-kampung	Bilangan jalan lintasan kampung	1 jalan bagi setiap tahun	2021-2025	BPD
	Mewujudkan satu sistem pemantauan projek yang seragam	- Pembinaan sistem pemantauan berpusat menjelang 2023. - Pemantauan perbelanjaan dari segi prestasi belanja. <i>Single report</i>	1 sistem yang dikawal 1 agensi sahaja yang boleh dikongsi	2023-2025	BPEN, BPTM
	Mewujudkan infrastruktur yang boleh dikongsi dengan pelbagai agensi Contoh: <i>Pembinaan Integrated Smartpole:</i> - Cctv - Hotspot wifi - LED spotlight	- Fasa ke-2, Program Jendela (2022 -2025). <i>Blue ocean Strategy</i>	1 <i>Smartpole</i> setahun akan dibina.	2023 - 2025	PBT

TERAS STRATEGIK 3 : MEMPERKASAKAN PENGURUSAN ORGANISASI MELALUI PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG BERPENGETAHUAN DAN TAHAP PROFESIONAL YANG TINGGI DENGAN DISOKONG OLEH TADBIR URUS YANG BAIK DAN BERINTEGRITI

Pembangunan modal insan merupakan prasyarat penting untuk memacu dan menjana kemajuan Negeri Perlis agar mampu melakukan perubahan dari pelbagai aspek strategik. Pembentukan sahsiah diri yang tinggi dan unggul adalah penting untuk memajukan Negeri Perlis selaras dengan pelan-pelan pembangunan yang telah digubal.

Usaha memperkasa pengurusan organisasi dirancang melalui pembangunan modal insan yang mempunyai sahsiah yang terpuji, berintegriti dan mempunyai wawasan untuk memajukan pentadbiran dan Negeri Perlis.

Bagi mencorak hala tuju PSUK Negeri Perlis ke arah wawasan yang disasarkan, tumpuan pembangunan modal insan adalah untuk melahirkan warga yang berkualiti dan berupaya mengurus tanggungjawab yang diamamatkan.

Tiga (3) strategi bagi Teras Strategik 3 adalah:

- Memperkasa Tadbir Urus Dan Penyampaian Perkhidmatan Ke Arah Kecemerlangan Organisasi;
- Memperkasakan Pembangunan Modal Insan Yang Berpengetahuan Dan Profesional Yang Tinggi; dan
- Memupuk Nilai Integriti Dalam Organisasi.

STRATEGI 3.1 : MEMPERKASA TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
3.1.1 Memperkasakan Tadbir Urus dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Ke Arah Kecemerlangan Organisasi	Memperkasakan Hala tuju Strategik Bahagian Perumahan dengan menyediakan Dasar Perumahan Negeri (DPNPs).	Kuantiti	1 Dasar (Dasar Perumahan Negeri Perlis)	2021 – Dilancarkan 2025 – Penilaian dan Penambahbaikan	BP
	Menyemak dan menambahbaik Perjanjian Perumahan mengikut keperluan semasa.	Kuantiti	1 Kali Semakan Perjanjian Sewaan / Sewa / Jual Beli Setiap Tahun	2021-2025	BP (dengan kerjasama PUU)
	Pengukuhan Perjawatan	Pengukuhan Perjawatan / Penyusunan semula/ Penubuhan Agensi perjawatan mengikut skim yang berkaitan berdasarkan keperluan semasa	1 permohonan / tahun	2021-2025	BPSM
3.1.2 Memperkasakan Serta Merakytakan Penyampaian Perkhidmatan Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup.	Mengukuhkan Jalinan Kerjasama Antara Jabatan Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perumahan.	Kuantiti	2 Kali Setahun	2021-2025	BP
	Memudahcara Pelaksanaan dan Kemajuan Projekprojek Perumahan dengan Penyediaan Kertas MMKN	Kuantiti	30 Kertas MMKN Setiap Tahun	2021-2025	BP

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
3.1.3 Pemantapan Sistem Penyampaian	Menyelaras pemberian sumbangan kepada golongan yang memerlukan dengan agensi berkaitan	Tiada pertindihan penyampaian sumbangan antara agensi.	100% golongan yang memerlukan	5 tahun	Pejabat Menteri Besar & BPD
	Mewujudkan sistem permohonan bantuan bersepadu	Membangun satu sistem permohonan bantuan untuk golongan yang memerlukan	1 sistem (Sistem MyRakyat Sedang dibangunkan oleh BPTM)	2 tahun	Pejabat Menteri Besar & BPTM
	Memantapkan sistem pengurusan program/aktiviti YAB Menteri Besar	Mewujudkan <i>standard operating procedure</i> bagi permohonan temujanji atau program yang melibatkan YAB Menteri Besar.	1 SOP	1 tahun	Pejabat Menteri Besar
3.1.4 Mengukuhkan Penyampaian Perkhidmatan PBT dan Pembangunan Infrastruktur Di Kawasan Bandar dan Kawasan Luar	Pengukuhan pengurusan projek serta kewangan PBT	Bilangan mesyuarat penyelarasan projek dan kewangan	2 kali setahun	2021-2025	BP & BKT
3.1.5 Menyediakan dan mengemaskini SOP dalam berkaitan Majlis Majlis Rasmi Kerajaan Negeri Perlis	Menambahbaik dan memantapkan SOP melibatkan kehadiran YAB Menteri Besar serta keberangkatan Duli-duli Tuanku mengikut keperluan semasa	Mewujudkan <i>standard operating procedure</i> bagi melancarkan perjalanan majlis-majlis	1 SOP	2021-2025	BPMPi

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
3.1.6 Memperkasakan Keupayaan Tadbir Urus Organisasi	Pemantapan Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (IKKP)	Bilangan Bintang Penarafan	4 bintang	2021-2025	BKP
	Pembangunan Sistem Penyelenggaraan Kenderaan PSUK Negeri Perlis	Bilangan Sistem Penyelenggaraan Kenderaan	1 sistem	2025	BKP
	Mewujudkan ruang kerja berkonsepkan 'smart office'	Bilangan ruang kerja berkonsep ' smart office '	1 ruang	2024	BKP
	Pemantapan penyelesaian Aduan Awam PSUK perlis	Tempoh penyelesaian Aduan PSUK Negeri Perlis	Penyelesaian Aduan dalam tempoh 15 hari bekerja	2021 - 2025	UPKI
	Pemantapan perkhidmatan tempahan kemudahan secara digital	Bilangan tempahan secara digital	90%	2025	BKP

STRATEGI 3.2 : MEMPERKASA PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG BERPENGETAHUAN DAN PROFESSIONAL YANG TINGGI

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNG JAWAB
3.2.1 Pengukuhan Budaya Organisasi Berprestasi Tinggi, Kreatif dan Inovatif	<i>Training Need Analysis (TNA)</i>	Membuat kajian keperluan jenis latihan di kalangan semua penjawat awam	1 kajian setiap tahun	2021-2025	BPSM
	Gerbang Inovasi PSUK Perlis	Menggalakan cetusan inovasi di kalangan penjawat awam/ Bahagian sama ada secara individu atau berkumpulan	3 inovasi dihasilkan	2021-2025	BPSM
	Melaksanakan Kursus Pelan Transformasi Minda PSUK Negeri Perlis	Lantikan baharu diberikan kursus PTM	80%	2021-2025	BPSM

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNG JAWAB
	Menyedikan latihan berbentuk <i>Functional dan Generic</i> kepada Penjawat Awam	Bilangan penjawat awam menghadiri latihan	80% penjawat awam menjalani latihan	2021-2025	BPSM
	Mewujudkan Ekosistem Jabatan Yang Kondusif	Pelaksanaan EKSA	Sijil Pengiktirafan	2022-2025	BPSM
3.2.2 Memperkasakan Hala Tuju Strategik Pengurusan Sumber Manusia	<i>Succession Plan To create Future Leaders</i>	Strategi untuk mengenal pasti, memupuk dan membangunkan ciri-ciri pemimpin yang mempunyai kompetensi, pengetahuan, berkemahiran tinggi, adil dan sihat mental untuk menerajui organisasi bagi jawatan strategik.	1 pelan dihasilkan 1 jawatan strategik/ tahun	2021 -2025	BPSM
	Lawatan penanda aras/ <i>Workplace Attachment Training (WPA)</i>	Memberi peluang kepada penjawat awam di PSUK Perlis memperoleh pengalaman dan pengetahuan daripada Agensi yang mempunyai <i>Best Practices</i> dalam aktiviti utama.	1 Program setiap tahun	2021-2025	BPSM
	Memperluas dan memperkasakan Sistem Ujian Psikologi Atas Talian kepada semua penjawat awam di PSUK Perlis	Bilangan Sistem Ujian Psikologi Atas Talian	1 Ujian Psikologi Atas Talian setahun.	2021 -2025	BPSM

STRATEGI 3.3 : MEMUPUK NILAI INTEGRITI DALAM ORGANISASI

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNG JAWAB
3.3.1 Memantapkan Budaya Integriti dan Nilai-Nilai Murni dalam Organisasi	Pelaksanaan tindakan tatatertib terhadap pegawai yang bermasalah	Bilangan kes tatatertib diselesaikan	85% daripada jumlah bilangan kes	Berterusan 2021 - 2025	UPKI
	Pembudayaan nilai	Merekayasa Tonggak 12 Perkhidmatan Awam untuk menghayati sepenuhnya prinsip-prinsip Rukun Negara	1 Aktiviti / Mengikut Tonggak	2021 - 2025	BPSM
	Pemantapan fungsi Jawatankuasa Anti Rasuah Kerajaan Negeri Perlis 2021-2025	Pelan Anti Rasuah	1 pelan anti rasuah	2021 - 2023	UPKI
	Pelaksanaan Program Pemerkasaan Fungsi dan Peranan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dalam membantu Pengurusan Sumber Manusia	Bilangan sesi bimbingan AKRAB	24 sesi bimbingan AKRAB setahun (Jan-Jun = 12 sesi) (Julai-Dis = 12 sesi)	2021-2025	BPSM
	Pelaksanaan Sistem Pengurusan Amalan Audit Nilai (SPAN 2.0)	Pencapaian indeks komposit di dalam sistem INSAN	melebihi 80%	2021-2025	BPSM

TERAS STRATEGIK 4 : MEMPERKASA SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN YANG HOLISTIK UNTUK MEMBERI KHIDMAT YANG CEMERLANG

Sistem penyampaian perkhidmatan akan diperkasa dan dimantapkan bagi membolehkan rakyat, bisnes dan komuniti menikmati perkhidmatan yang cekap dan telus. Pelbagai inisiatif dilaksanakan termasuklah inisiatif pemodenan dan transformasi dalam sistem penyampaian pentadbiran negeri.

Sehubungan dengan itu, persekitaran pendigitalan lestari dan mampan diperkukuhkan agar dapat menyokong pelaksanaan perkhidmatan PSUK Negeri Perlis pintar dan setiap perkhidmatan yang disediakan dapat digunakan dengan lebih optimum serta memenuhi kehendak pemegang taruh dan pelanggan.

Dua (2) strategi bagi Teras Strategik 4 adalah:

- Membangun Hala tuju Strategik Kerajaan Digital Selaras Dengan Dasar Baru Pembangunan Perlis; dan
- Menyegarkan Sistem Penyampaian Secara Holistik, Mampan Dan Inklusif.

STRATEGI 4.1 MEMBANGUN HALATUJU STRATEGIK KERAJAAN DIGITAL SELARAS DENGAN DASAR BARU PEMBANGUNAN PERLIS

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNG JAWAB
4.1.1 Pembangunan Pelan Pendigitalan PSUK	Menjalankan kajian bagi mewujudkan Pelan Strategik Digital PSUK 2021 - 2025	Bilangan pelan	1 Pelan	2021	BPTM
4.1.2 Pemantapan Pengurusan inisiatif pendigitalan PSUK	Melaksanakan penyelarasan dan pemantauan	Peratus pelaksanaan program	Pencapaian pelaksanaan	2021-2025	BPTM

STRATEGI 4.2 : MENYEGARKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SECARA HOLISTIK, MAMPAN DAN INKLUSIF

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNG JAWAB
4.2.1 Pengurusan Perubahan dan Kesiapan Ke Arah Kerajaan Digital	Melahirkan penjawat awam yang bersedia ke arah kerajaan digital dengan memberikan latihan-latihan yang strategik, ICT dan <i>functional</i>	Penganjuran kursus berkaitan teknologi digital	Semua skim perkhidmatan bagi penjawat awam dari Gred 11 hingga JUSA.	2021-2025	UKIPMI
4.2.2 Pengukuhan Pengaplikasi Komunikasi Digital Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis	Memperkasakan budaya penggunaan emel rasmi	Bilangan pengguna yang aktif	Peratus penggunaan meningkat	2021-2022	BPTM
4.2.3 Mempertingkatkan penganjuran sesi webinar berbanding fizikal agar program dapat digerakkan dengan impak kewangan kecil	Memperkasakan penggunaan webinar	Bilangan pengguna yang aktif	Peratus penggunaan meningkat	2021-2025	Semua Bahagian

TERAS STRATEGIK 5 : PEMBUDAYAAN SUKAN DAN PEMBANGUNAN SUKAN DI KALANGAN RAKYAT PERLIS

Sukan berupaya memperkasa individu dan komuniti terhadap keperluan kesihatan, pendidikan serta inklusif sosial. Warga Perlis yang sihat dari segi mental dan fizikal sudah pasti dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik dan seterusnya dapat membantu dalam pembangunan Negeri Perlis.

Semua pihak harus memainkan peranan dalam pembentukan ekosistem industri sukan yang kondusif supaya sukan juga mampu membantu menjana ekonomi negara. Sukan merupakan industri penting yang memberi impak positif yang ketara dalam membantu ekonomi negeri samada untuk individu, komuniti atau bisnes.

Dua (2) strategi bagi Teras Strategik 5 adalah:

- Membangunkan Sahsiah Serta Menggalakkan Cara Hidup Sihat Di Kalangan Rakyat Perlis Melalui Program-program Sukan; dan
- Penjanaan Ekonomi Melalui Program-program Sukan

STRATEGI 5.1 : MEMBANGUNKAN SAHSIAH SERTA MENGGALAKKAN CARA HIDUP SIHAT DI KALANGAN RAKYAT PERLIS MELALUI PROGRAM-PROGRAM SUKAN

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN TANGGUNG JAWAB
5.1.1 <i>Perlis Sunday Sports</i>	Mewujudkan program-program sukan yang menggalakkan semua golongan rakyat untuk bersukan	Bilangan Program	1 Program Utama 7 Jenis Program	2022	JBS, MPK, BPD, PSN
5.1.2 <i>Lions 8Core</i>	Mewujudkan jenis-jenis sukan utama yang diberi penekanan untuk membentuk jenama sukan Perlis sebagai negeri pakar sukan dan identiti sukan Perlis.	Jenis Sukan	8 Sukan Utama	2022-2025	JPN, JBS, IPT
5.1.3 <i>Cergas Diri, Cerdas Khidmat</i>	Mewujudkan program kecergasan dan sukan bersama agensi serta konsep 1 penjawat awam 1 sukan	Bilangan Program	2 Program	2022-2025	MAKSAK, Kelab Sukan PSUK, Kelab Sukan Jabatan
5.1.4 <i>Bakat Biru Kuning</i>	Menjalankan program mencari bakat berpandukan spesifik sukan & sains sukan serta memberi keutamaan kepada "Anak Perlis" dengan pendekatan turun ke komuniti dan sekolah	Bilangan Program Peratus Atlet	3 Jenis Program 75% Anak Perlis	2021-2023	BPD, JPN, IPT

STRATEGI 5.2 : PENJANAAN EKONOMI MELALUI PROGRAM-PROGRAM SUKAN

PROGRAM	AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN TANGGUNG JAWAB
5.2.1 Sports Tourism	Mewujudkan kalendar program sukan sepanjang tahun & mempromosikan sukan secara hebat	Bilangan penganjuran program	2 antarabangsa 3 kebangsaan 5 negeri	2022-2025	BPEN, MOTAC, PSN
5.2.2 Penajaan Sukan	Membuka ruangan penajaan pasukan sukan Perlis dan platform promosi perniagaan penaja	Bilangan Pelan	1 Kertas Konsep Penajaan	2023	BPEN, Perbendaharaan
5.2.3 Fasiliti Sukan Inklusif & Mesra Awam	Membuka fasiliti sukan untuk orang awam dengan kadar bayaran terendah dan ruang masa yang fleksibel	Bilangan fasiliti	Buka semua fasiliti 2 fasiliti baru	2021-2025	BPEN, JKR
5.2.4 Perlis Sports Event Hub	Menjadi badan penyelaras untuk penganjuran sukan yang memberi impak kepada ekonomi (Cth.: Drag Race, Perlis Surfcasting, Cubprix, Go-Kart, Pesta Air, Etc.)	Bilangan Jawatankuasa	1 Sekretariat Hub Sukan	2022-2025	Swasta, BPEN, MOTAC, JBS, PDRM, PSN & DLL.
5.2.5 Perlis Sports Academy	Mewujudkan badan pentadbir professional sukan kearah melahirkan atlet professional dan keboleh pasaran anak Perlis yang tinggi	Bilangan kajian	1 lawatan kerja 1 dokumen kajian	2023-2025	Pej. PUU, KBS, PSN



Tasik Melati



*Ladang Bunga Matahari
Batu Pahat*



BAB 5

Strategi

Pelaksanaan

Ke Arah Kejayaan

MERENCANAKAN PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Tindakan selepas selesai membangunkan pelan strategik, PSUK Negeri Perlis perlu diteruskan ke fasa berikutnya, iaitu fasa pasca pembangunan Pelan Strategik Organisasi yang melibatkan Proses Pelaksanaan, Proses Pemantauan dan Pengukuran Prestasi, serta Proses Penilaian dan Kajian Semula.

MODEL PENGURUSAN STRATEGIK ORGANISASI



PROSES 2 : PELAKSANAAN

Proses pelaksanaan memerlukan mekanisme dan kaedah secara berkesan. Tiga elemen utama yang diperlukan bagi membantu keberhasilan program dalam pelan tindakan seperti yang berikut:.



PELAN OPERASI DAN PERUNTUKAN SUMBER

Ketua-ketua bahagian/unit hendaklah mengenalpasti tindakan yang diperlu diambil seperti yang disenaraikan dalam Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis. Ketua-ketua bahagian/unit hendaklah memperuntukan sumber yang mencukupi untuk melaksanakan setiap aktiviti, memantau dan menilai pencapaian dan melapor kepada mesyuarat peringkat tertinggi Pentadbiran Negeri Perlis.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis peringkat jabatan/bahagian, ketua-ketua bahagian/unit hendaklah melantik pegawai penyelaras yang bertanggungjawab bagi memantau pelaksanaan inisiatif di peringkat bahagian/unit.

PERANAN KETUA JABATAN/BAHAGIAN DALAM PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK



Peranan setiap ketua bahagian/unit termasuk untuk melaksanakan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai dan kakitangan bawahannya dan mengambil tindakan sewajarnya dengan secepat yang mungkin bagi sebarang pelanggaran disiplin.

Sekiranya tugas ini tidak dijalankan oleh ketua bahagian/unit, isu-isu seperti governans, integriti dan rasuah ditangani akan menjadi sukar, sekaligus akan menjejaskan penumpuan usaha dan tenaga ke arah penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan memberi keutamaan kepada keperluan dan kepentingan rakyat. Seterusnya, kawalan dalaman juga perlu terus dilaksanakan secara naziran dan semakan silang.

PENYEDIAAN EKOSISTEM YANG MENYOKONG

Setiap bahagian/unit yang bertanggungjawab perlu merujuk dokumen pelan strategik agar dapat memastikan Sasaran Kerja Tahunan bahagian/unit sejajar dengan tempoh masa dan kumpulan sasaran dalam pelan tindakan organisasi.

Aktiviti dalam pelan ini perlu dijadikan sebahagian daripada Sasaran Kerja bahagian/unit dan individu. Penetapan dalam Sasaran Kerja Tahunan dapat memastikan aktiviti-aktiviti bahagian dan individu menyumbang kepada pencapaian program-program dalam Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis.

ALIRAN PROSES PERANCANGAN, PENUGASAN DAN PENILAIAN SASARAN KERJA



Dalam konteks ini, bahagian/unit disaran untuk menyediakan pelan operasi yang terperinci dan turut merangkumi jadual pelaksanaannya bagi memudahkan urusan pemantauan secara berkala dalam tempoh pelaksanaannya.

PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN MENERUSI PENGURUSAN PERUBAHAN

Pengurusan Perubahan perlu dilaksanakan bagi memastikan pelan strategik yang dibangunkan disebar luas kepada semua warga kerja. Melalui pelaksanaan pengurusan perubahan, warga kerja PSUK Negeri Perlis mampu menerima secara positif terhadap pelan strategik yang telah dirancang tersebut bagi memastikan matlamat organisasi yang disasarkan tercapai.

Dalam konteks ini, peranan yang dimainkan warga organisasi akan menjadi asas kejayaan pelaksanaan pelan strategik tersebut.

Selain daripada itu, pengurus laman web PSUK Negeri Perlis juga disarankan untuk menghebahkan status pencapaian pelaksanaan pelan strategik melalui laman sesawang PSUK Negeri Perlis atau emel kepada semua warga kerja secara berkala.

PROGRAM KESEDARAN MENERUSI PENGURUSAN PERUBAHAN



PROSES 3 : PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI

Proses Pemantauan dan Pengukuran Prestasi merupakan satu proses berkenaan dengan kaedah aktiviti pemerhatian dan pengukuran prestasi terhadap strategi dan program dilaksanakan secara berkala.

Proses ini juga merupakan satu proses rutin yang bertujuan mengumpul maklumat berkenaan semua aspek dan elemen yang perlu diimplementasikan ketika sesuatu projek atau program itu dilaksanakan.

PSUK Negeri Perlis akan membuat pemantauan secara berkala dan mengukur prestasi program-program dalam pelan tindakan yang dirangka bagi memastikan semua program dirancang berjaya dilaksanakan dan mencapai sasaran ditetapkan.

Agensi Pelaksana yang dikenalpasti pula perlu mengemukakan Laporan Pemantauan dan Pencapaian secara berkala dan berterusan sepanjang tempoh program dilaksanakan. Laporan ini disaran untuk dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa atau mana-mana mesyuarat yang bersesuaian.

MEKANISMA PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN

Bagi mengurangkan karenah birokrasi, PSUK Negeri Perlis menggunakan jawatankuasa sedia ada untuk memantau pelaksanaan pelan tindakan yang dirangka tersebut. Pemantauan program dilaksanakan melalui lawatan tapak, dan mendapatkan maklum balas dari pihak berkepentingan atau pelanggan.

MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PELAN STRATEGIK



PROSES 4 : PENILAIAN DAN SEMAKAN SEMULA

Terdapat pelbagai kaedah kajian keberkesanan boleh dilaksanakan seperti semakan semula proses kerja sedia ada, kajian impak program utama atau kajian struktur organisasi. Kajian struktur organisasi ini melihat sama ada struktur organisasi yang sedia ada dapat membantu merealisasikan pelan strategik yang dibangunkan. Sekiranya tidak, agensi boleh membuat perubahan yang diperlukan tertakluk kepada peraturan-peraturan, undang-undang dan keputusan pengurusan atasan.

Kajian semula pelan strategik diadakan pada bulan Jun 2023. Kajian semula pelan strategik ini dijalankan bagi menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik, program, aktiviti dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian tersebut turut mengambil kira senario baharu perubahan persekitaran dan tumpuan strategik PSUK Negeri Perlis.

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Kejayaan PSUK Negeri Perlis untuk mencapai visi dan misi adalah bergantung kepada elemen-elemen berikut:

GAMBAR RAJAH 8 : ELEMEN PENENTU KEJAYAAN UNTUK MENCAPAI MISI DAN VISI



PIMPINAN DAN KAPASITI ORGANISASI

Kapasiti organisasi PSUK Negeri Perlis perlu diperkukuhkan agar dapat melaksanakan fokus baharu ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan. Kapasiti ini akan disokong oleh struktur organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugas secara fleksibel seperti kerja berpasukan, matriks, berasaskan projek dan mengambil kira norma baharu susulan pandemik Covid-19.

PEMBENTUKAN BUDAYA PENGURUSAN ILMU (KNOWLEDGE MANAGEMENT)

Ilmu, pengalaman dan amalan terbaik berkaitan pemodenan pentadbiran serta sistem penyampaian perkhidmatan dikongsi dan ditambah nilai melalui penggunaan Pengurusan Ilmu atau *Knowledge Management* (KM). Penggunaan optimum KM memastikan penggunaan sumber ilmu secara berkesan dalam mencapai teras strategik PSUK Negeri Perlis dalam usaha membentuk anggota yang profesional dan intelektual.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN INTELEKTUAL

Tumpuan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik iaitu termasuk perancangan strategik, proses perekruteraan, perancangan dan pengurusan teknologi digital serta pengurusan prestasi. Pendekatan mentor-mentee, *coaching* dan pengurusan pembangunan kerjaya turut dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja.

PEMANTAPAN NILAI DALAM SOSIO BUDAYA ORGANISASI

PSUK Negeri Perlis terus memastikan semua anggota organisasi mempunyai pegangan nilai yang utuh dan jati diri mantap melalui pembangunan modal insan serta penerapan integriti agar tidak terpengaruh dengan unsur-unsur negatif yang memberi kesan kepada pembangunan organisasi, negeri dan negara, di samping melaksanakan pembudayaan nilai-nilai positif secara konsisten dan berterusan.

PENDIGITALAN PEMANGKIN KEJAYAAN

Teknologi digital merupakan pemangkin kepada kejayaan pengurusan dan juga merupakan alat yang diperlukan dalam memastikan sistem penyampaian yang lebih cekap dan tepat. Pelan Strategik Digital PSUK Negeri Perlis perlu diperkemaskan dari semasa ke semasa dalam memastikan PSUK Negeri Perlis dapat bertindak sebagai pemacu dalam memberikan perkhidmatan dan melaksanakan pentadbiran dan pembangunan negeri yang gemilang.

PENUTUP

Sistem penyampaian perkhidmatan awam Negeri Perlis yang cekap penting bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan Negeri Perlis. Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis 2021 – 2025 merupakan garis panduan utama bagi memantapkan keupayaan organisasi untuk menjadi peneraju dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam di Negeri Perlis.

Dokumen ini menggariskan objektif dan sasaran strategik bagi tempoh lima (5) tahun serta menjadi rujukan utama kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi ini bagi merealisasikan matlamat strategik PSUK Negeri Perlis. Tumpuan lebih diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian agar strategi dan program yang dirangka dapat mencapai sasaran dalam tempoh yang ditetapkan.

Pelaksanaan Pelan Strategik PSUK Negeri Perlis 2021 – 2025 memerlukan kerjasama padu dan usaha yang mantap antara semua warga bahagian/unit bagi menetapkan sasaran dan seterusnya merencanakan hala tuju organisasi selaras dengan keperluan rakyat serta kehendak pihak-pihak berkepentingan.

Adalah menjadi harapan agar Pelan Strategik Organisasi PSUK Negeri Perlis 2021 – 2025 menjadi panduan yang memudahkan pemahaman teras strategi serta program-program pengurusan kepada setiap warga PSUK Negeri Perlis seterusnya, mencapai misi PSUK Negeri Perlis sebagai pemacu perkhidmatan awam ulung dan gemilang.

SENARAI AKRONIM

AKRONIM	KETERANGAN
4IR	Dasar Revolusi Perindustrian ke-4
AI	Kecerdasan Buatan/ <i>Artificial Intelligence</i>
IoT	<i>Internet of Things</i>
BDA	<i>Big Data Analytics</i>
BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
BKT	Bahagian Kerajaan Tempatan
BP	Bahagian Perumahan
BPD	Bahagian Pentadbiran Daerah
BPEN	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
BPTM	Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
DLT	<i>Distributed Ledger Technology</i> /Teknologi Lejar Teragih
DUNMMK	Bahagian DUN dan Majlis Mesyuarat Negeri
JENDELA	Jaringan Digital Malaysia
JKN	Jabatan Kewangan Negeri
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Pengurusan Malaysia
MSN	Majlis Sukan Negeri Perlis
PDCA	<i>Plan, Do, Check and Action</i>
PKN	Pegawai Kewangan Negeri
PSUK Negeri Perlis	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
PUU	Penasihat Undang-undang
RFN	Rancangan Fizikal Negara
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas
RSN 2030	Rancangan Struktur Negeri Perlis 2030
SKT	Sasaran Kerja Tahunan
UADs	Unit Audit Dalam
UPKI	Unit Pengurusan Korporat dan Integriti